

19 JAN 2002

Zainal-Rusuhan

WARGA INDON PILIHAN TERAKHIR KERANA BANYAK LAKUKAN KEKACAUAN

KOTA KINABALU, 19 Jan (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin hari ini berkata saranan agar warga Indonesia menjadi pilihan terakhir diambil bekerja di negara ini terpaksa dilakukan kerana pembabitan mereka dalam banyak kekacauan.

"Kita sedih kerana tindakan ini terpaksa dilakukan kerana peristiwa penentangan rakyat Indonesia yang ada di tanah air kita ini bukan kali pertama," katanya ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai perkara itu.

Saranan berkenaan timbul ekoran kejadian rusuhan 500 pekerja Indonesia kilang tekstil di Nilai, Negeri Sembilan, Khamis lepas, yang bertindak ganas bagi membantah penahanan 16 rakan mereka yang disahkan positif dalam ujian air kencing bagi mengesan dadah.

Zainal Abidin berkata banyak contoh kekacauan yang menunjukkan pembabitan rakyat dari negara berkenaan.

"Ada yang berlaku di Pekan Nanas (Johor), ada yang ditahan kerana menyusup masuk dan ada yang kita ambil tindakan kerana mereka bekerja dengan kebenaran tetapi telah menyalahgunakan dadah," katanya kepada pemberita selepas melawat Briged Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah di sini.

Dalam kejadian di Depot Tahanan Pekan Nanas, Johor, pada awal Disember lepas, lebih 1,600 warga Indonesia dihantar pulang selepas merusuh dan membakar empat blok bangunan papan dua tingkat di depot berkenaan.

Zainal Abidin berkata tindakan pekerja dan rakyat asing menimbulkan kekecohan boleh menjejaskan sektor industri negara ini.

"Kita tidak berniat jahat terhadap orang Indonesia tapi kita tidak suka mereka yang memperkecilkan kewibawaan undang-undang negara kita," katanya.

Sementara itu, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia Datuk Lee Lam Thye berkata tindakan pekerja Indonesia di Nilai itu adalah sesuatu yang amat dikesali.

"Kami berpendapat ia tidak patut berlaku kerana mereka telah diberi peluang bekerja di negara ini, sepatutnya mereka menghargai usaha kita membenarkan mereka bekerja di negara ini," katanya.

Dalam hal ini, polis perlu bertindak tegas dan mana-mana pekerja asing yang gemar mencetuskan kekacauan harus dihantar pulang, katanya.

-- BERNAMA

JS RHM